

Pelaksanaan Program Dakwah di Masjid-masjid
Daerah Batang Padang Perak Darul Ridzuan

Nor Hasimah binti Arbain
acim79@yahoo.com

Abdul Munir bin Ismail, PhD.
abdmunir@fsk.upsi.edu.my

Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis program dakwah yang dilaksanakan di masjid-masjid di Daerah Batang Padang, sambutan terhadap program tersebut, peranan AJK masjid dalam melaksanakan pelbagai bentuk program dakwah, mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keaktifan program dakwah dan seterusnya menganalisis masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program dakwah. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian lapangan dan kajian kes. Data kuantitatif diperolehi melalui soal selidik iaitu terdiri daripada 125 orang AJK masjid dan 120 jemaah dipilih sebagai responden kajian melalui kaedah persampelan berkelompok dan rawak mudah. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 21. Dapatan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan program dakwah di masjid adalah tahap sederhana tinggi. Bagi tahap sambutan terhadap program dakwah pula berada pada tahap sederhana rendah namun sambutan terhadap program ihya Ramadan sangat tinggi. Seterusnya, dapatan bagi peranan AJK masjid kebanyakannya berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala, faktor-faktor yang mempengaruhi keaktifan program dakwah pula, berada pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya bagi masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid mencatatkan tahap sederhana rendah. Kesimpulan keseluruhan pelaksanaan program dakwah di masjid masih kurang memuaskan kerana didapati program dakwah hanya bergiat aktif di masjid-masjid yang berada di pinggir bandar sahaja. Kajian ini dilihat penting dalam memberikan sumbangan ilmiah kepada pihak masjid dalam melaksanakan pelbagai program dakwah serta menangani masalah dalam melaksanakan program tersebut. Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kefahaman yang jelas terhadap bentuk pelaksanaan program dakwah dan faktor-faktor yang mempengaruhinya amat penting agar pelbagai program dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efektif di masjid-masjid Daerah Batang Padang

Kata Kunci: Pelaksanaan, Program Dakwah, Peranan Masjid, Daerah Batang Padang

Abstract

The purpose of this study is to identify the types of da'wah programs carried out in mosques in the Batang Padang District, the response to the program, the role of the mosque committee members in the implementation of various forms of da'wah program, identify the factors affecting the liveliness of the da'wah program and then analyze the problems faced in implementing da'wah programs. This quantitative study uses field study and case study design. Quantitative data were obtained through a questionnaire consisting of 125 mosque committee members and 120 congregants selected as survey respondents through cluster sampling and random sampling. The data were analyzed using SPSS version 21. The findings show that the level of implementation of the da'wah program in the mosque is moderately high. The response to the da'wah program is at a moderate level; however, the response to the Ramadan program is very high. Furthermore, the findings for the role of the mosque committee members are mostly at moderate levels. Meanwhile, the factors that influence the liveliness of da'wah programs are also at moderate levels. Then, the problem faced by the management of the mosque are at a low level. The conclusion of the whole implementation of the da'wah program in the mosque is still

unsatisfactory because it was found that the da'wah program was only active in suburbs mosques. This study is seen to be important in providing scientific contributions to the mosque committee in implementing various da'wah programs and addressing problems in implementing the programs. Overall, the implication of this study shows that a clear understanding of the nature of the implementation of the da'wah program and its influencing factors is crucial so that various da'wah programs can be implemented more effectively and effectively in the mosques in Batang Padang District.

Keyword: Implementation, Dakwah Program, Role of Mosque, Batang Padang District

Perkataan ‘dakwah’ adalah diambil daripada perkataan bahasa Arab iaitu dari kata *da'a*, *yad'u*, *da'watan*, *du'aan*. Istilah dakwah dalam bahasa Melayu diertikan sebagai ajakan, panggilan, seruan dan makna yang seerti dengannya (Abdul Munir Ismail (2014). Dari segi bahasa mengikut (Kamus Dewan, 2012) dakwah juga membawa maksud kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan golongan-golongan yang bergiat dalam dakwah.

Dari segi istilah pula dakwah membawa pelbagai maksud mengikut pendapat pelbagai tokoh ilmuan Islam. Antaranya ialah menurut Yusof al-Qaradawi dalam bukunya *Thaqafah al-Da'iyah* (1978), menjelaskan maksud dakwah adalah kegiatan mengajak orang lain supaya mendekati ajaran Islam dan melaksanakan kesemua ketetapanNya di muka bumi ini, melakukan suruhan Allah SWT dan menyingkahkan segala laranganNya serta berjihad ke jalanNya.

Masjid merupakan tempat yang sesuai untuk menyebarkan dakwah. Masjid dibina adalah untuk tumpuan umat Islam melakukan ibadah-ibadah khusus serta melaksanakan pelbagai aktiviti sosial berbentuk kemasyarakatan yang mampu menyebarkan dakwah Islamiyah ke serata dunia. Dakwah merupakan satu usaha yang sangat murni dalam menyebarkan agama Islam kepada umat manusia. Program dakwah ini biasanya dilaksanakan di masjid-masjid. Masjid merupakan pusat tumpuan dan cukup berperanan kepada masyarakat. Masjid bukanlah sebagai tempat ibadah khusus seperti solat berjemaah, tadarus al-Quran dan iktikaf semata-mata, malah sebagai pusat penyatuan ummah dan percambahan ilmu untuk semua manusia. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti dakwah di masjid-masjid hendaklah dipelbagaikan bagi menepati kehendak masyarakat.

Di Malaysia, masjid dan surau banyak dibina, tetapi masih kurang memuaskan dalam pelaksanaan program dakwahnya. Peranan masjid hendaklah dikembalikan sebagaimana zaman Rasulullah SAW dahulu. Iaitu meningkatkan aktiviti dakwah dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat. Oleh itu, kajian ini penting untuk merangka strategi bagi mempelbagaikan program dakwah di masjid-masjid.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti jenis program dakwah dari aspek ibadah, penghayatan Islam dan pendidikan yang dijalankan di masjid-masjid Daerah Batang Padang, Perak serta sambutannya.
2. Mengetahui peranan AJK masjid dalam melaksanakan pelbagai bentuk program dakwah di masjid.
3. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keaktifan program dakwah di masjid.
4. Menganalisis masalah pengurusan masjid dalam usaha melaksanakan program dakwah terhadap masyarakat Islam setempat

Metodologi

Rekabentuk Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti bentuk-bentuk program dakwah di masjid, tahapambutannya, faktor-faktor yang mempengaruhinya serta masalah yang dihadapinya dalam melaksanakan program dakwah. Maka reka bentuk kajian yang sesuai adalah berbentuk deskriptif. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Data kuantitatif dimulakan dengan pembinaan objektif, pengukuran data, analisis data dan rumusan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan semasa iaitu data dikutip sekali sahaja daripada satu sampel pada satu masa (Creswel 2008). Keistimewaan kaedah tinjauan, ia mampu mengumpul data dari opulasi yang besar dan boleh digeneralisasikan terhadap seluruh populasi berdasarkan sampel kajian (Creswel 2008)

Namun begitu, terdapat kelemahan juga pada kaedah tinjauan antaranya ialah dari sudut kesahihan sesuatu maklumat yang berkaitan dengan kejujuran responden menjawab. Kaedah ini juga tidak dapat mengukur tindakan dan perbuatan responden kerana maklumat yang diperolehi dibuat hanya berdasarkan apa yang dilaporkan (Johnson & Christensen 2000).

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Pengkaji menganalisis data kuantitatif secara analisis deskriptif dan inferensi. Bagi analisis deskriptif, data soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS Statistics 12 untuk mendapatkan frekuensi, peratusan, dan min. Kebanyakan data ini disediakan dalam frekuensi dan peratusan kerana ia boleh menunjukkan jumlah responden yang menjawab mengikut pilihan skala mereka.

Dapatan Kajian

Bab ini merupakan laporan dapatan kajian bagi pelaksanaan program dakwah di masjid di daerah Batang Padang, Perak. Pembentangan laporan ini dapat dibahagikan kepada tiga iaitu Profil Responden, Analisis Deskriptif dan Analisis Inferensi.

Profil Responden

Profil responden mengandungi data responden dari AJK masjid dan Jemaah yang hadir meliputi jantina, umur, taraf pendidikan, taraf perkahwinan, pekerjaan, pendapatan bulanan dan lokasi tempat tinggal. Rujuk Jadual 1 hingga 5 berikut:

Berdasarkan Jadual 1 di bawah berkaitan dengan jantina menunjukkan seramai 245 orang penduduk daerah Batang Padang yang terlibat dengan kajian ini hanya 191 orang lelaki bersamaan (78.0%) manakala bakinya pula, iaitu seramai 54 orang perempuan bersamaan (22.0%). Dalam konteks ini jelas menunjukkan bahawa responden lelaki mendominasi jumlah responden perempuan dalam kajian ini. Hakikatnya, keadaan sebegini bukanlah dianggap sebagai pelik atau asing dalam menghadirkan diri ke masjid kerana sudah terbukti sejak dahulu lagi bahawa golongan lelaki akan memenuhi ruang masjid berbanding wanita.

Jadual 1
Jantina

Jantina	N	%
Lelaki	191	78.0
Perempuan	54	22.0
Jumlah	245	100

Jadual 2 di bawah menunjukkan umur responden iaitu penduduk daerah Batang Padang Perak. Bagi umur 18-25 tahun seramai 9 orang bersamaan (3.7%) manakala bagi umur 26-40 tahun mencatatkan 48 orang bersamaan (19.6%). Seterusnya umur 41-60 tahun seramai 125 orang bersamaan (51%) dan bagi umur 61 tahun ke atas pula menunjukkan seramai 63 orang bersamaan (25.7%). Ini menunjukkan bahawa jumlah responden yang berumur 41-60 tahun merupakan responden paling ramai yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan ini menunjukkan golongan tua yang banyak meluangkan masa untuk ke masjid berbanding golongan muda dan remaja yang masih kurang kesedaran untuk hadir ke masjid.

Jadual 2
Umur

Item	N	%
18-25 Tahun	9	3.7
26-40 Tahun	48	19.6
41-60 Tahun	125	51.0
61 Tahun ke Atas	63	25.7
Jumlah	245	100

Jadual 3 di bawah berkaitan dengan taraf pendidikan responden penduduk di daerah Batang Padang yang terlibat dengan kajian ini. Bagi taraf pendidikan Sekolah Rendah mencatatkan seramai 22 orang bersamaan (9.0%), Sekolah Menengah pula mencatat responden tertinggi iaitu seramai 135 orang bersamaan (55.1%). Manakala di peringkat Diploma pula seramai 42 orang bersamaan (17.1). Seterusnya, bagi Ijazah Sarjana Muda seramai 44 orang bersamaan (18.0%) dan peringkat Master pula iaitu seramai 2 orang sahaja bersamaan (0.8%). Namun begitu, pendidikan peringkat PHD menunjukkan nilai min sifar bersamaan (0%). Ini bermakna tidak terdapat tahap pendidikan responden di peringkat PHD sebagaimana jadual di atas. Dapatan ini menunjukkan rata-rata penduduk masyarakat setempat majoritinya adalah penduduk luar bandar dan kebanyakannya adalah bekerja sendiri. Mereka ini lebih banyak meluangkan masa untuk menghadiri program-program di masjid berbanding dengan mereka yang bekerja di pejabat.

Jadual 3
Taraf Pendidikan

Item	N	%
Sek. Rendah	22	9.0
Sek. Menengah	135	55.1
Diploma	42	17.1
Ijazah Sarjana Muda	44	18.0
Master	2	0.8
PHD	0	0
Jumlah	245	100

Jadual 4 di bawah berkaitan dengan tahap perkahwinan bagi setiap responden yang terlibat. Bagi yang bergelar bujang seramai 18 orang bersamaan (7.4%), berkahwin seramai 209 orang bersamaan (85.3%) dan taraf duda/janda seramai 18 bersamaan (7.3%). Didapati jumlah besar responden adalah terdiri daripada kalangan yang sudah berkahwin. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa ramai golongan yang sudah berkahwin aktif menghadiri program-program di masjid bagi

memenuhi masa dan menambah ilmu pengetahuan agama untuk dijadikan panduan hidup. Mereka juga mempunyai kesedaran betapa pentingnya ilmu agama dalam diri bagi mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Jadual 4
Tahap Perkahwinan

Item	N	%
Bujang	18	7.4
Berkahwin	209	85.3
Duda/Janda	18	7.3
Jumlah	245	100

Merujuk Jadual 5 di bawah menunjukkan pekerjaan responden yang terlibat. Bagi responden yang bekerja sendiri mencatatkan seramai 72 orang bersamaan (29.4%), yang bekerja swasta pula seramai 44 orang bersamaan (18.0%) dan kakitangan kerajaan iaitu seramai 75 orang bersamaan (30.6%). Manakala pesara pula mencatatkan 31 orang responden bersamaan (12.7%) dan yang responden yang tidak bekerja pula menunjukkan seramai 23 orang bersamaan (9.4%). Ini menunjukkan responden yang tidak bekerja adalah jumlah yang paling sedikit manakala kakitangan kerajaan merupakan responden yang paling tinggi dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan kakitangan kerajaan ini majoritinya adalah di kalangan guru yang mempunyai kelapangan untuk hadir ke masjid.

Jadual 5
Pekerjaan

Item	N	%
Kerja Sendiri	72	29.4
Swasta	44	18.0
Kakitangan Kerajaan	75	30.6
Pesara	31	12.7
Tidak Bekerja	23	9.4
Jumlah	245	100

Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif mengandungi lima bahagian iaitu jenis program dakwah, sambutan terhadap program dakwah, peranan AJK masjid terhadap program dakwah, faktor yang mempengaruhi keaktifan program dakwah dan masalah yang dihadapi pengurusan masjid dalam pelaksanaan dakwah di masjid. Justeru itu, dapatan kajian ini dianalisis mengikut beberapa elemen-elemen utama dalam mengenal pasti pelaksanaan program dakwah di masjid merangkumi jenis program dakwah (10 item), sambutan terhadap program dakwah (10 item), peranan AJK masjid terhadap program dakwah (10 item), faktor yang mempengaruhi keaktifan program dakwah (10 item), masalah yang dihadapi pengurusan masjid (10 item). Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini dihuraikan berdasarkan item-item soal selidik yang menggunakan Skala Likert Lima mata sebagai skala jawapan respondent terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrument kajian. Skala persetujuan jenis Likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS) diberi skot (1) hingga kepada Sangat Setuju (SS) yang diberi skot (5) Interpretasi terhadap nombor-nombor dan skala-skala adalah seperti berikut:

Jadual 6
Skala Tahap Penilaian Responden

1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Sumber: Ubahsuai dari Azmil Hashim (2010)

Dapatan jenis pelaksanaan program dakwah

Dapatan jenis pelaksanaan program dakwah di masjid –masjid Daerah Batang Padang bahawa nilai min secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu nilai purata min 3.49 dan sisihan piawai 0.78. Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua 10 item mendapati tahap persepsi responden terhadap satu item berada pada tahap yang tinggi iaitu (B4) program Ihya Ramadan dengan mendapat min 4.05 dan sisihan piawai 0.71. Manakala sembilan item lagi berada pada tahap yang sederhana tinggi. Dapatan mendapati item-item yang berada tahap sederhana tinggi iaitu item (B) kelas pengajian agama dengan purata (min 3.68, sp=0.96). Bagi item (B2) program solat sunat dhuha mencatatkan (min 3.22, sp=1.12) dan item (B3)Kursus haji dan umrah juga pada tahap sederhana tinggi iaitu pada (min 3.23, sp=0.90). Bagi item (B5) “Kelas belajar komputer untuk remaja tidak pernah diadakan di masjid ini” (min 3.48, sp=0.71).

Data juga membuktikan seramai 120 responden bersetuju menyatakan banyak masjid tidak mengadakan kelas komputer ini. Ini disebabkan faktor kos yang terlalu tinggi untuk menyediakan program seperti ini. Seterusnya item (B6) kelas bimbingan al-Quran dan Iqra dengan purata min 3.48 dan sisihan piawai 1.06. Manakala item (B7)aktiviti usrah dengan purata min 3.40 dan sisihan piawai 1.06. Bagi item (B8)kursus dan seminar isu semasa mencatatkan purata min 3.96 dan sisihan piawai 0.99 dan seterusnya bagi item (B9) “Ceramah sempena hari kebesaran Islam dilaksanakan mengikut takwim yang telah dirancang seperti (majlis Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Israk Mikraj)” (min 3.01, sp= 0.96) amat bersetuju pelaksanaannya. Program sebegini biasanya mendapat manfaat dan mampu menarik minat ramai golongan masyarakat untuk menghadirinya.

Tambahan lagi apabila diadakan jempunan kumpulan nasyid yang terkenal mampu menarik golongan belia untuk turut serta. Seterusnya item (B10) “Kursus Kecemerlangan Pelajar diadakan pada musim cuti sekolah (UPSR, PT3, SPM)” mencatatkan (min 3.17, sp=1.25). Bagi program kursus kecemerlangan ini, didapati hanya masjid-masjid yang terletak di kawasan-kawasan pekan seperti masjid Daerah Tapah, Bidor dan Sungkai sahaja yang ada melaksanakan program seperti ini. Bagi masjid yang terletak di kawasan kampung, data mendapati responden tidak bersetuju melaksanakan program kecemerlangan pelajar di masjid sangat tinggi iaitu berjumlah 70 orang. Ini kerana disebabkan faktor kewangan untuk melaksanakannya dan kurang sambutan daripada pelajar untuk menyertainya.

Sambutan Jemaah Terhadap Program Dakwah yang dijalankan di masjid –masjid

Dapatan menunjukkan nilai min keseluruhan bagi sambutan terhadap program dakwah yang dijalankan di masjid-masjid berada pada tahap yang sederhana rendah iaitu 2.84 (sp=0.81). Terdapat tiga item yang berada di tahap sederhana tinggi iaitu item (A1) “Program kelas pengajian agama selepas solat maghrib mendapat sambutan daripada jemaah masjid” (min 3.17, sp=0.91), item (A4) “Program Ihya Ramadan (tadarus al-Quran, Qiamullail, Iftar)” (min 3.30, sp=1.04) dan item (A9) “Ceramah sempena hari kebesaran Islam (Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Isra’ Mikraj)” (min 3.68, sp=1.05). Dalam konteks ini, terdapat tujuh item yang berada pada tahap sederhana rendah iaitu item (A2) “Aktiviti Solat sunat Duha secara berjemaah pada setiap pagi Ahad ” (min 2.47, sp=1.11), (A3) “Penglibatan jemaah terhadap kursus haji dan umrah ” (min 2.80, sp=1.22), (A5) “Kelas belajar komputer untuk remaja ” (min 2.32, sp=1.09), (A6) “Kelas bimbingan Al-Quran dan Iqra” (min 2.85, sp=1.00),(A7) “Aktiviti

usrah dan halaqah diadakan seminggu sekali di masjid” (min 2.81, sp=1.07), (A8) “Kursus dan seminar isu semasa yang diadakan sebulan sekali” (min 2.71, sp=1.07) dan (A10) “Kursus Kecemerlangan Pelajar (UPSR,PT3,SPM) yang diadakan setiap musim cuti” (min 2.35, sp=1.18).

Hasil dapatan ini bermakna, program berbentuk keagamaan seperti pengajian kelas agama merupakan aspek keyakinan para jemaah terhadap Islam sangat kuat yang mendorong mereka untuk hadir ke masjid bagi mengikuti majlis ilmu sekali gus menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah. Ini juga membuktikan bahawa masyarakat telah sedar betapa pentingnya ilmu agama untuk dijadikan pedoman hidup. Berdasarkan skor min item tertinggi juga, program Ihya Ramadan seperti tadarus al-Quran, qiamullail, iftar jamaie, tazkirah dan lain-lain turut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada setiap lapisan golongan masyarakat setempat. Ini kerana bulan Ramadan merupakan bulan mulia yang penuh keberkatan di mana masyarakat Islam akan berlumba-lumba untuk membuat kebaikan dengan pahala yang berlipat ganda pada bulan Ramadan.

Begitu juga dengan program hari kebesaran Islam seperti ceramah Maulidur Rasul, Maal hijrah, Nuzul Quran dan lain-lain turut mendapat sambutan daripada masyarakat. Diperhatikan masyarakat ikut serta untuk hadir ke majlis-majlis seperti ini kerana program ini diadakan secara bermusim. Apatah lagi sekiranya jemputan penceramah adalah di kalangan orang yang terkenal dan luas ilmu pengetahuannya. Ini juga menunjukkan pihak pengurusan masjid amat mengambil berat tentang program “keagamaan” seterusnya menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu dan dakwah. Hasil dapatan ini sama dengan hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Fakhru Adabi (2006) yang menyatakan masjid banyak menjalankan aktiviti keagamaan dan sambutannya menggalakkan mampu meningkatkan akidah umat Islam.

Berdasarkan sambutan sederhana rendah, item kursus kecemerlangan pelajar (UPSR, PT3, SPM) menunjukkan skor paling rendah. Ini membuktikan bahawa masjid tidak digunakan untuk program pendidikan khususnya untuk seminar kecemerlangan pelajar. Program-program sebegini sudah banyak dilaksanakan di sekolah-sekolah menyebabkan murid lebih tertumpu di sekolah dan kurang berminat untuk melibatkan diri dengan program anjuran daripada pihak lain.

Peranan AJK Masjid Terhadap Pelaksanaan program-program dakwah di masjid.

Berdasarkan kajian yang dibuat, hasil dapatan bagi peranan AJK masjid dalam melaksanakan program dakwah di masjid secara keseluruhannya terdapat sembilan item berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu bagi item D1 pengerusi mewujudkan pelbagai program dakwah mendapat purata min 3.44 dan sisihan piawai 0.88. Seterusnya item D2 naib pengerusi bekerjasama membantu dengan purata min 3.32 dan sisihan piawai 0.92 dan seterusnya item D3 setiausaha menyusun program dakwah mendapat purata min 3.40 sisihan piawai 0.89.

Manakala item D4 bendahari mengumpul dana min 3.55 dengan sisihan piawai 0.92, item D5 AJK keceriaan menceriaan masjid purata min 3.36 dan sisihan piawai 0.98, dan item D6 AJK penerangan mewartakan program purata min 3.42 bersamaan sisihan piawai 0.85. Bagi item D7 AJK sambutan perayaan merancang pelbagai aktiviti pula purata min 3.17 dan sisihan piawai 0.84, dan item D9 AJK dakwah mengadakan ceramah purata min 3.13 serta sisihan piawai 0.92 dan akhirnya bagi item D10 organisasi masjid menjalankan aktiviti dakwah dengan tekun mendapat purata min 3.18 serta sisihan piawai 0.88. Manakala hasil dapatan bagi tahap sederhana rendah hanya satu item sahaja iaitu D8 AJK pendidikan mewujudkan kelas al-Quran dan Iqra dengan purata min 2.89 dan sisihan piawai 0.93.

Hasil dapatan ini bermakna jawatan pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan bendahari memainkan peranan penting dalam merancang dan melaksanakan program-program dakwah di masjid-masjid Daerah Batang Padang sekali gus menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah Islamiyah. Mereka ini perlu bekerjasama dengan setiap ahli jawatankuasa lain yang telah dilantik serta

berani membuat keputusan bagi menjayakan proses pengurusan masjid. Bagi ahli jawatankuasa yang aktif akan membentuk masyarakat yang harmoni dan mampu mengimarahkan masjid sepanjang waktu berbanding dengan ahli jawatan kuasa yang tidak aktif melaksanakan program-program dakwah. Segala pengurusan masjid dapat diurus tadbir dengan betul dan sistematik serta profesional mampu melahirkan masyarakat yang komited dengan program-program masjid.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa responden yang terlibat mempunyai kefahaman yang jelas tentang peranan AJK masjid terhadap pelaksanaan program-program dakwah kerana jumlah responden yang bersetuju dengan item-item berkaitan peranan AJK masjid lebih ramai jika dibandingkan dengan responden yang tidak bersetuju. Kesimpulannya, semua item ini berada pada min sederhana tinggi iaitu 3.28 dan sisihan piawai 0.74. Ini bermakna responden yang terlibat mempunyai tahap kefahaman yang jelas berkenaan peranan AJK masjid terhadap pelaksanaan program-program dakwah di daerah Batang Padang, Perak.

Faktor Yang Mempengaruhi Keaktifan Pelaksanaan Program Dakwah

Hasil dapatan bagi faktor-faktor yang mempengaruhi keaktifan pelaksanaan program-program dakwah di masjid – masjid daerah Batang Padang berada pada tahap yang sederhana tinggi (min 3.41, $sp=0.78$). Analisis skor min secara terperinci bagi kesemua item tersebut menunjukkan pada tahap sederhana tinggi.

Bagi item E1 iaitu masjid mempunyai kewangan kukuh dapatan menunjukkan (min 3.60, $sp=1.01$), item E2 AJK yang cekap (min 3.46, $sp=0.87$) dan item E3 iaitu pengurusan yang cekap (min 3.34, $sp=0.88$). Seterusnya bagi item E4 penceramah jemputan yang terkenal hasil dapatan menunjukkan (min 3.48, $sp=0.99$), item E5 tempoh promosi program panjang (min 3.29, $sp=0.87$) dan item E6 program dakwah sangat menarik (min 3.06, $sp=0.92$). Manakala item E7 iaitu kedudukan masjid yang strategik dapatan menunjukkan (min 3.70, $sp=0.96$) dan item E8 prasarana masjid yang lengkap (min 3.30, $sp=1.04$). Selain itu, bagi item E9 susun atur ruang tandas, wuduk berdekatan (min 3.51, $sp=1.03$) sementara item E10 iaitu program yang diadakan sesuai dengan waktunya dapatan menunjukkan (min 3.40, $sp=0.97$). Kesimpulannya, responden bersetuju dengan kesemua item yang dinyatakan di atas merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi pelaksanaan program dakwah di masjid. Faktor kewangan yang kukuh membuktikan masjid mampu mempelbagaikan program-program dakwah. Organisasi masjid yang mempunyai sumber kewangan yang kurang menjadi masalah bagi melaksanakan sesuatu program dakwah dalam mengimarahkan masjid. Pelbagai program yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Selain itu, responden sangat bersetuju menyatakan AJK masjid haruslah mempunyai kemahiran yang baik dalam melaksanakan program dakwah. Aspek pengurusan yang sistematik mampu menjayakan program dakwah yang akan dilaksanakan. Secara kesimpulannya, kesemua item yang disebutkan di atas merupakan faktor yang sangat penting dalam mempengaruhi pelaksanaan program-program dakwah di masjid-masjid daerah Batang Padang, Perak.

Masalah Yang Dihadapi Pengurusan Masjid

Taburan analisis deskriptif bagi masalah yang dihadapi pengurusan masjid dalam melaksanakan program dakwah secara keseluruhannya mencatatkan tahap yang sederhana rendah dengan (min 2.98, $sp=0.66$). Dapatan bagi skor min menghasilkan tujuh item yang berada pada tahap sederhana tinggi manakala tiga item lagi berada pada tahap sederhana rendah.

Bagi item yang berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item F3 iaitu kaedah pengajaran yang membosankan dengan min 3.63, $sp=0.62$, item F4 kuliah yang disampaikan berubah-ubah (min 3.64, $sp=0.56$) dan item F5 guru selalu bertukar (min 3.74, $sp=0.54$). Begitu juga dengan item F6 iaitu iklan

pemberitahuan tidak meluas (min 3.76, $sp=0.58$) dan item F7 tiada kelengkapan OKU (min 3.87, $sp=0.59$). Sementara bagi item F8 iaitu kekurangan peralatan aktiviti dakwah (min 3.02, $sp=1.03$) dan item F10 kurang sambutan kehadiran jemaah (min 3.08, $sp=0.99$).

Manakala dapatan item yang mencatatkan tahap sederhana rendah iaitu item F1 iaitu perancangan yang kurang cekap (min 2.97, $sp=0.96$), item F2 masalah kewangan (min 2.86, $sp=0.95$) dan item F9 iaitu sikap ahli Jemaah yang tidak terima pemikiran tradisional (min 2.92, $sp=0.87$). Hasil dapatan ini membuktikan bahawa banyak masjid yang masih kurang cekap dalam sistem pentadbiran dan pengurusan masjid. Ini adalah disebabkan pelantikan AJK yang kurang ilmu dan pengalaman dalam pengurusan pentadbiran. Tambahan pula dengan kekurangan sumber kewangan menyebabkan segala program tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Banyak masjid yang hanya bergantung kepada sumbangan daripada tabung kewangan masjid sahaja tanpa berusaha mencari pendapatan tambahan lain untuk menambahkan pendapatan masjid. Ini menyebabkan kewangan yang dapat sedikit sahaja tidak mampu untuk menampung kos program-program dakwah yang akan dilaksanakan. Selain itu, masalah sikap para Jemaah yang tidak terima cara dan pemikiran tradisional menyebabkan program dakwah kurang berkesan. Para Jemaah lebih suka cara moden sebagai contoh ceramah disampaikan melalui LCD dan jemputan penceramah adalah di kalangan mereka yang terkenal.

Perbincangan dan Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pelaksanaan program dakwah di masjid-masjid Daerah Batang Padang berada di tahap sederhana rendah bagi kebanyakan program, malah terdapat masjid yang tidak ada langsung program dakwah hanya tertumpu pada solat Jumaat dan solat Jemaah sahaja. Namun begitu, kajian menunjukkan pelaksanaan program dakwah pada bulan Ramadan atau *Ihya* Ramadan sangat mendapat sambutan daripada masyarakat. Didapati kebanyakan masjid melaksanakan pelbagai program pada bulan Ramadan bagi menghidupkan suasana bulan mulia ini. Kajian menunjukkan kesemua program dakwah yang dirancang dan dilaksanakan akan tercapai matlamatnya sekiranya organisasi AJK masjid dapat menguruskan program ini sesuai dengan citarasa masyarakat kini.

Dapatan kajian juga menunjukkan, bagi analisis hubungan dan pengaruh pula, didapati semua pemboleh ubah bersandar iaitu umur, jantina, pendapatan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan jarak kediaman mempunyai hubungan dan pengaruh yang signifikan ke atas pelaksanaan program dakwah di masjid-masjid. Ini bermakna umur responden yang lebih dewasa, golongan lelaki yang sudah berkahwin, taraf pendidikan yang tinggi dan jarak kediaman yang dekat dengan masjid akan meningkatkan pelaksanaan program dakwah di masjid-masjid.

Berdasarkan kajian yang lalu, fenomena masjid hanya didatangi oleh golongan tua dan bersara sahaja, (Marzuki bin Sepiaail, 2011), lemah dalam pengurusan program, masjid tidak berperanan sebagaimana sepatutnya (Mohamad Sabran Harun, 2013) tidak akan berlaku lagi AJK masjid melaksanakan pelbagai program dakwah untuk masyarakat. Oleh yang demikian, AJK masjid perlulah terdiri daripada kalangan muda mudi yang berpengetahuan tinggi serta berpengalaman luas dalam menguruskan program-program masjid. Hasilnya masjid akan menjadi aktif dengan pelbagai program dakwah yang dilaksanakan. Sudah pasti masjid mampu menyebarkan dakwah Islamiyah kepada semua golongan masyarakat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penyelidik mendapati pelaksanaan program dakwah di masjid-masjid Daerah Batang Padang, Perak adalah di tahap sederhana. Ini bermakna pelaksanaan program dakwah di masjid-masjid masih belum memenuhi matlamat dan objektif sepertimana yang telah dirangka. Kajian mendapati bahawa ahli jawatankuasa dan para jemaah masih kurang memahami fungsi masjid secara keseluruhannya, di tambah pula dengan kekurangan ilmu pengetahuan serta sumber kewangan dalam melaksanakan program dakwah yang telah disusun dan dirancang. Data soal selidik juga telah membuktikan bahawa masjid-masjid amat memerlukan penambahbaikan yang lebih bersistemik

samada dari segi pengurusan pentadbiran dan kelengkapan prasarana masjid dalam melaksanakan program dakwah dengan lebih berkesan dan terancang.

Rujukan

- Ali Mahfouz. (1958). *Hidayah al-mursyidin*. Qaherah: Maktabah Usmaniyah.
- Ahmad Zaki Haji Abd. Latif. (2007). *Pentadbiran masjid secara profesional*. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- Abdul Halim Mat Diah. (1987). *Suatu contoh tentang huraian metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Munir Ismail. (2012). *Urus tadbir masjid secara berkesan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Cet. 1.
- Abdul Munir Ismail. (2017). *Tuntutan akhlak mulia dalam kehidupan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Cet 1.
- Dato' Wan Mohammad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz. Pendekatan baru dalam pengimarah masjid. *Kertas seminar*. Dibentangkan dalam seminar Imam-Imam Masjid Seluruh Negara di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 15 April 2008.
- Ismail bin Abd. Manap. Peranan masjid menurut al-sunnah: tumpuan utama kepada masjid-masjid di Brunei Dārussalām. *Disertasi Sarjana Usuluddin*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998
- Marzuki bin Sepiaail. (2011). *Pengurusan Program Masjid Sultan Idris Shah II, Slim River Perak*. Disertasi Sarjana. UKM Bangi.
- Mohammad Sabran Harun. (2013). Pengurusan aktiviti dakwah di masjid daerah Kerian, Perak: Kajian tentang persepsi dan masalah. *Disertasi Sarjana*. UM. Kuala Lumpur.
- Mohd Mohadis Hj Yassin. (1997). Pengurusan pentadbiran institusi masjid. kajian kes di negeri Melaka. *Disertasi Sarjana Usuluddin*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Shahir bin Haji Abdullah. (1990). *Dakwah dan permasalahan di Malaysia*. Institut Dakwah dan Latihan Islam, BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*, cet 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Raudhah Haji Siren. (2006). *Strategi mengurus masjid* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sidi Gazalbã. (1962). *Masjid pusat ibadat dan kebudayaan Islam*. M.A. di Fakultas Sastera. Universitas Nasional Indonesia.
- Roslan bin Mohamed. (2002). *Keberkesanan program masjid: kajian umum masjid-masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Seminar Pembangunan Masjid* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 6
- Razaleigh bin Muhamat@Kawangit. (2002). *Memperkasaka aktiviti masjid sebagai medium dakwah, Seminar Pembangunan Masjid*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.